**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN**
*Sports Division*
**ARAS 1 & 7, BLOK E13,**
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tel. : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web: **www.moe.gov.my**

KPM.600-7/1/5 Jld. 8 ( 33 )
31 Mei 2017

**Seperti Senarai Edaran**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***JR.* NBA 2017 MALAYSIA : KEM PEMILIHAN SERANTAU ANJURAN *DUTCH LADY* MALAYSIA DAN NBA ASIA DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa program *Jr.* NBA 2017 Malaysia anjuran *Dutch Lady* Malaysia dan NBA Asia dengan kerjasama Bahagian Sukan, KPM akan melaksanakan **Kem Pemilihan Serantau** (*Regional Selection Camp*) yang terbuka kepada **murid yang berusia 10 hingga 14 tahun** seperti ketetapan berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **8 Julai 2017 (Sabtu) & 9 Julai 2017 (Ahad)** |
| Masa | : | **9.00 pagi – 4.00 petang** |
| Masa Pendaftaran | : | **8 Julai 2017, 8.30 pagi – 2.00 petang** |
| Tempat | : | **IGB International School<br>Jalan Sierramas Utama, Sierramas<br>Sungai Buloh, Selangor** |

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, seramai 32 murid lelaki dan 32 murid perempuan bersama 4 orang guru jurulatih yang terpilih semasa kem ini akan mara ke Kem Latihan Kebangsaan pada 27 - 30 Julai nanti. Maklumat lanjut adalah seperti dalam Lampiran A yang disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon supaya menggalakkan serta memberi kebenaran kepada murid dan guru pengiring dari negeri seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menyertai kem ini. Penyertaan adalah PERCUMA dan jersi *Jr.* NBA akan diberi kepada setiap peserta. Cara pendaftaran adalah secara atas talian (*online*) di laman web http://jrnba.asia/malaysia/events/.

.../2

5. Makanan ringan akan disediakan oleh pihak penganjur untuk murid semasa sesi pemilihan. Pihak sekolah yang berminat dimohon menyediakan pengangkutan pergi dan balik serta penginapan dan sajian (jika berkenaan) untuk murid dan guru pengiring yang terlibat dengan peruntukan jabatan/sekolah masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Cik Lim Tou Jing** di talian 03-88841346/ 013-2285432, emel lim.toujing@moe.gov.my atau pegawai pihak penganjur, **Cik Nor Shamsidar** di talian 017-3472357, emel shamsidar@eplusglobal.com.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"SEHATI SEJIWA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DR. MEHANDER SINGH A/L NAHAR SINGH)**
Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia

LTJ/ltj

s.k. : 1. Ketua Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri
2. Pengurus Pemasaran, *Dutch Lady* Malaysia
3. NBA Asia, *Limited*, Hong Kong
melalui *E-Plus Entertainment Productions* (M) Sdn. Bhd.

**SENARAI EDARAN**

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya

**Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan WP Labuan

**Pengetua**
Sekolah Sukan Bukit Jalil

**Pengetua**
Sekolah Sukan Malaysia Pahang

LAMPIRAN A

**PELAKSANAAN PROGRAM *JR.* NBA 2017 MALAYSIA**
***PRESENTED BY DUTCH LADY* MALAYSIA**

| Peringkat | Tarikh/Bulan Pelaksanaan | Isi Kandungan Program |
|---|---|---|
| 1 | 21 - 23 Apr | • Majlis Pelancaran<br>• Klinik Jurulatih Terlatih (Zon Tengah)<br>• Klinik Kemahiran Asas Jurulatih<br>• Klinik Kemahiran Asas Murid |
| | Mei | • Klinik Jurulatih Terlatih (Zon Utara & Zon Selatan)<br>• Klinik Kluster (Zon Utara & Zon Selatan) |
| 2 | Apr – Ogos | • Klinik Bola Keranjang *Drink.Move. BeStrong* di sekolah |
| 3 | 8 Jul | • **Kem Pemilihan Serantau (Saringan)**<br>* 100 murid yang terbaik akan diumumkan pada pukul 4.00 petang dan ditawarkan untuk hadir pada hari kedua (9/7) |
| | 9 Jul | • **Kem Pemilihan Serantau (Pusingan Kedua)**<br>* 32 murid lelaki dan 32 murid perempuan yang terbaik akan diumumkan untuk ke peringkat 4 |
| 4 | 27 – 30 Jul | • Kem Latihan Kebangsaan (Akhir)<br>• Penginapan dan sajian disediakan<br>• 8 murid lelaki, 8 murid perempuan dan 2 guru jurulatih yang terbaik akan dipilih sebagai Pasukan *Jr.* NBA All-Stars Malaysia untuk ke peringkat 5 |
| | Sept | • Kem *Pre-Global Experience* |
| 5 | Okt | • Mewakili Malaysia ke luar negara<br>• Sesi Latihan di negara China<br>• Perlawanan Persahabatan dengan Pasukan *Jr.* NBA negara serantau (Filipina, Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapura)<br>• Menyaksi perlawanan NBA secara langsung |